

Najib mohon guna Peguam Diraja UK

Pelantikan rayuan batal sabitan hukuman penjara 12 tahun, denda RM210 juta

Putrajaya: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, akan memohon Peguam Diraja dari United Kingdom untuk rayuannya bagi membatalkan sabitan serta hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta bagi kes membabitkan dana SRC International Sdn Bhd di Mahkamah Persekutuan.

Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Ashrof Andrin Kamarul, berkata peguam utama Najib, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, memaklumkan perkara berkenaan kepada Pendaftar Mahkamah Persekutuan Siti Hajar Mustaffa menerusi prosiding da-

lam talian, semalam.

“Pembelaan akan menulis surat kepada Mahkamah Persekutuan selewat-lewatnya esok (hari ini) mengenai hasrat untuk memohon Peguam Diraja dari UK untuk menghadiri dan berhujah mengenai rayuan Najib.

“Mahkamah menetapkan 28 Januari untuk pengurusan kes seterusnya bagi menentukan langkah berikutnya membabitkan rayuan,” katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Pelantikan Peguam Diraja itu *Najib Razak* akan dibuat secara *ad-hoc* selepas mendapat kebenaran mahkamah Malaysia.

Mahkamah menetapkan 15 dan 16 Mac mendengar rayuan Najib untuk mengemukakan bukti baharu.

Pada 7 Disember tahun lalu, Mahkamah Rayuan menolak permohonan Najib untuk me-

ngemukakan bukti baharu bagi rayuannya dalam kes SRC dengan memutuskan Najib gagal memenuhi Seksyen 61 Akta Mahkamah Kehakiman secara kumulatif bahawa bukti baharu diperlukan untuk keadilan dalam kes itu.

Sehari selepas itu, mahkamah sama mengekalkan sabitan dan hukuman penjara 12 tahun serta denda sebanyak RM210 juta terhadap Najib bagi kesalahan menyeleweng RM42 juta dana SRC.

Hakim Datuk Abdul Karim Abdul Jalil, yang mengetuai panel tiga hakim terdiri daripada Datuk Has Zanah Mehat dan Datuk Vazeer Alam Mydin Meera, menolak rayuan Najib terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bertarikh 28 Julai 2020.

Pada hari sama, Najib, 69, memfailkan notis rayuan kepada Mahkamah Persekutuan.

BERNAMA

